



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

JUMAAT / 22 MAC 2024



Disediakan Oleh :
Cawangan Komunikasi Korporat

TAJUK BERITA



- 1. ISU BERAS : ANWAR AKUI PEMANTAUAN LEMAH - UTUSAN MALAYSIA**
- 2. MADA YAKIN BPT TIDAK TERJEJAS - SINAR HARIAN**
- 3. KEKAL HARGA LAMA - PASAR RAYA PERLU RUJUK PEMBEKAL SEBELUM SELARAS HARGA BPI - HARIAN METRO**
- 4. PEMBENIHAN AWAN JIKA KEMARAU BERTERUSAN - HARIAN METRO**
- 5. 'RISAU AIR TAK CUKUP' - HARIAN METRO**
- 6. EASING THE RING-ING COSTS - THE STAR**

Isu beras: Anwar akui pemantauan lemah

Oleh MOHD HUSNI MOHD NOOR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui kelemahan aspek penguasaan dan pemantauan menyebabkan negara ‘kehilangan’ beras putih tempatan (BPT) di pasaran.

Perdana Menteri berkata, beliau mahu semua pihak lebih tegas dan kerap melakukan pemantauan dan tinjauan bukan sahaja mengenai soal beras, sebaliknya barang keperluan lain.

Menurutnya, mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) baru-baru ini menggambarkan bahawa kerajaan tegas dalam soal harga dan bekalan beras.

Bersambung di muka 2

Isu beras: Anwar akui pemantauan lemah

Dari muka 1

“NACCOL sebelum ini memutuskan beras putih import (BPI) diturunkan antara RM2 hingga RM3 sekampit sekali gus membolehkan BPT kembali berada di pasaran.

“Aneh juga bila Perdana Menteri dah naik angin sikit (kecewa dengan ketidaaan BPT di pasaran), Padiberas Nasional Bhd. (Bernas) kata boleh turun harga RM2 dan pengilang pula kata boleh turun RM1.

“Tahun sudah tiada pula jadi, alhamdulillah turun RM3 harga beras import dan ia penurunan yang banyak untuk pembeli dan pengguna biasa,” katanya ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Warga Kementerian Kewangan (MOF) di sini semalam.

Katanya, beliau sendiri hari ini kenapa BPT tiada di pasaran sebelum ini sedangkan ia direkodkan ada dalam laporan.

Namun, katanya, ketegasan kerajaan dalam mesyuarat NACCOL akhirnya berjaya membongkarkan negara mempunyai sekitar 150,000 metrik tan BPT di pasaran.

“Bila kita tekankan perkara itu rupanya ada sekitar 150,000 metrik tan beras tempatan untuk diedar tapi tak cukup untuk semua.

“Ketika ini, BPT dijual dan dedar di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) supaya tiada kos penyewaan dan pengangkutan bagi kekalkan harga RM26.

“Tapi kenyataannya ialah harga beras, gula, minyak mentah, kita (Malaysia) ini paling murah di Asia Tenggara dan ini tidak diberi penekanan,” katanya.

Sebelum ini, kerajaan menerusi NACCOL bersatuju su-

paya harga jualan runcit BPI diturunkan antara RM2 hingga RM3 di pasaran berkuat kuasa semalam.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dilaporkan berkata, semua stok semasa padi dan beras yang sudah dibeli oleh pengilang berjumlah 140,000 tan metrik pula dapat diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan serta-merta.

Kerajaan turut bersatuju semua kontrak kerajaan menggunakan pakai sepenuhnya BPI, sekali gus membolehkan bekalan tambahan BPT sebanyak 20,000 tan metrik dapat diedarkan di pasaran pada April ini.

Dalam perkembangan lain, Anwar mendedahkan Malaysia berjaya meraih potensi pelaburan asing bernilai RM76.1 bilion setakat Mac 2024.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, potensi pelaburan itu diperoleh menerusi Misi Perdagangan dan Pelaburan di Australia yang menyumbang RM24.5 bilion serta Jerman dan Perancis sebanyak RM46 bilion.

Menurutnya, sebagai negara keenam terbesar dunia dari segi eksport semikonduktor, Malaysia meraih manfaat besar daripada persaingan antara Amerika Syarikat dan China dalam penghasilan cip.

“Kebanyakan syarikat luar melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang strategik untuk pelaburan mereka kerana ekosistem industri semikonduktor yang maju dan mendapat dukungan penuh daripada kerajaan,” katanya.

Jelasnya, beberapa fakta penting menyokong prestasi ekonomi yang lebih baik tahun ini termasuk kadar pengangguran turun ke paras 3.3 peratus

pada Januari 2024 iaitu kembali ke paras pra pandemik pada tahun 2022 iaitu 3.7 peratus.

Katanya, kadar inflasi juga rendah dan turun kepada 1.6 peratus untuk suku keempat 2023 berbanding 2.0 peratus pada suku ketiga tahun lalu.

Anwar berkata, prestasi eksport turut menunjukkan tanda pemulihan pada Januari 2024 dengan peningkatan 8.7 peratus selepas menguncup sepuluh bulan.

Sementara itu, mengulas mengenai kenyataan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar dalam sidang Dewan Rakyat pada 6 Mac lalu yang mendakwa negeri itu masih belum menerima kira-kira RM1 bilion daripada kerajaan pusat, Anwar menegaskan, Kerajaan Perpaduan tidak pernah zalim terhadap Terengganu terutama dalam soal Pemberian Persekutuan dan Belanja Pembangunan sebaliknya peruntukan berkenaan ditingkatkan setiap tahun.

Jelasnya, agihan peruntukan Belanja Pembangunan bagi Terengganu ditingkatkan kepada RM1.59 bilion tahun ini berbanding RM1.55 bilion pada 2023 dan bagi Pemberian Persekutuan pula, jumlah diberi lebih tinggi.

“Peruntukan yang diagihkan oleh Kerajaan Perpaduan lebih pada pemerintahan ketika PAS dan Bersatu, zalim macam mana? Kita tambah kepada RM413 juta pada 2023 dan dijangka meningkat pada tahun 2024.

“Dia (Menteri Besar Terengganu) kata zalim. Ketika saya menjadi pembangkang berpuluhan tahun, kita tidak menerima sebarang peruntukan. Ketika itu tidak zalim, tetapi sekarang zalim,” ujarnya.

12 NASIONAL
SINAR HARIAN • JUMAAT 22 MAC 2024

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

MADA yakin BPT tidak terjejas

Penurunan harga runcit jualan BPI bantu kurang kos sara hidup rakyat

Oleh ROSHLIA MURNI ROSLI
ALOR SETAR

Langkah kerajaan menurunkan harga runcit jualan beras putih import (BPI) di antara RM2 hingga RM3 di pasaran diyakini mampu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

Keyakinan itu dinyatakan Pengurus Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Datuk Dr Ismail Salleh yang memaklumkan penyalasaran harga pasaran BPI itu akan membolehkan rakyat membeli dengan harga lebih rendah.

Malah, ia turut mengimbangi permintaan dan perawaran pasaran beras di peringkat domestik di antara BPI dengan beras putih tempatan (BPT) sekali gus memastikan jaminan bekalan yang berterusan.

"Pelarasian BPI ini adalah tanda kerajaan sentiasa peka dalam memahami setiap keperluan rakyat bagi menjamin bekalan makanan sentiasa cukup dan berterusan," katanya.

"Pihak MADA yakin setiap keputusan serta langkah-langkah diambil kerajaan adalah untuk memastikan rakyat dapat menikmati harga dan bekalan beras yang sejawarnya bagi kelangsungan hidup," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di Pertubuhan Peladang Kawasan Suka Setia C-IV MADA di sini pada Rabu.

Tambah Ismail, meskipun penurunan harga BPI sedikit sebanyak akan mempengaruhi pola permintaan pengguna, namun ia tidak akan menjelaskan permintaan dan pemasaran BPT.

Ini kerana katanya, kerajaan sentiasa komited dalam memastikan bekalan beras mencukupi untuk keperluan rakyat dengan meningkatkan aspek pengedaran di pasaran.

"Justeru, kerajaan memutuskan supaya semua stok semula padi dan beras telah dibeli oleh pengilang yang

Inisiatif Gelombang Padi yang dilaksanakan oleh KPBM merupakan langkah penyelesaian serta kaedah mempertingkatkan serta menjamin bekalan makanan negara.

Dengan 12 strategi utama, inisiatif padi dan beras lebih maju ke hadapan.

"MADA melihat inisiatif Gelombang Padi mampu memastikan bekalan makanan ruji negara terjamin, meningkatkan peratusan tahap sara diri (SSL) di samping meningkatkan hasil pesawahan," ujar beliau.

Jelasnya, industri padi di negara ini agak berbeza dengan Vietnam dan Indonesia yang dilihat lebih maju sehingga mereka mampu untuk mengeksport beras.

Kedua-dua negara berkenaan menggunakan varieti jangka masa yang pendek iaitu 75 hingga 80 hari menyebabkan mereka mampu menghasilkan padi sebanyak empat kali setahun.

"Kita baharu dua kali setahun dan sekarang nak masuk lima kali dua tahun, jadi kita agak sedikit ketinggalan," jelasnya.

Negara mampu capai tahap SSL lebih 70%

MALAYSIA mampu dan berupaya mencapai SSL melebihi tahap 70 peratus menjelang 2030.

Menurut Ismail, untuk merealisasikan sasaran itu, MADA secara berterusan memberi fokus kepada aspek pembangunan pesawahan.

"MADA akan sentiasa berada bersama pesawahan untuk memberi pemahaman dan tunjuk ajar secara langsung supaya mereka mampu meningkatkan hasil yang baik."

"Pada masa sama, MADA turut melaksanakan projek rintis tanaman padi lima kali dua tahun melibatkan kawasan seluas 213.99 hektar di bawah seliaan MADA Wilayah I (Perlis) dan MADA Wilayah III (Pendang).

"Namun tidak semua kawasan sesuai untuk tanaman padi lima kali dua tahun ini kerana terdapat beberapa faktor yang membatasi," katanya.

Menurut Ismail, faktor-faktor tersebut termasuk sistem pengairan yang tidak mencukupi, tanah yang tidak cocok untuk tanaman padi, dan kurangnya kapasiti penyimpanan air.

"Kami sedang berusaha untuk mendapatkan solusi bagi masalah-masalah ini agar kita boleh mencapai sasaran yang ditetapkan," katanya.

“

Pihak MADA yakin, setiap keputusan serta langkah-langkah diambil kerajaan adalah untuk memastikan rakyat dapat menikmati harga dan bekalan beras yang sejawarnya bagi kelangsungan hidup."

- Ismail

18 www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

lokal

Kami berurusan dengan enam syarikat pembekal beras
Mohd Ridzuan

MOHD Ridzuan melihat pekerja pasar raya memeriksa harga beras putih import. - Gambar NSTP/SITI ROHANA IDRIS

Kekal harga lama

Pasar raya perlu rujuk pembekal sebelum selaras harga BPI

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Arahan penurunan harga jualan runcit beras putih import (BPI) yang diumumkan kerajaan berkuat kuasa kelmarin menimbulkan maklum balas celaru dalam kalangan pengurusan pasar raya.

Ada yang akur dengan segera menurunkan harga BPI namun masih ada pasar raya yang mengelakkan hargalama berikutnya perlu mendapatkan kata putus dari syarikat pembekal.

Tinjauan dibuat di Pasar Raya Econsave Kubang Ke-

rian di sini, mendapati BPI lima kilogram (kg) masih dijual serendah RM20.70 hingga RM23.90 manakala BPI 10 kg pula dijual pada harga RM36.90 sehingga RM43.90.

Ketua Bahagian Peruncitan pasar raya itu, Mohd Ridzuan Sulaiman, pihaknya perlu merujuk pihak pembekal terlebih dahulu sebelum penyelarasan harga baharu BPI.

"Setakat ini kami belum menerima sebarang memo lagi berhubung perkara itu. Buat masa kini, pasar raya kami masih mengelakkan harga lama.

"Kami berurusan dengan enam syarikat pembekal beras. Sehingga kini semua mereka belum memberi kata putus namun penyelarasan harga baharu BPI dijangka dilakukan sekurang-kurangnya dua hari lagi," katanya.

Mohd Ridzuan berkata, walaupun harga BPI masih belum diturunkan, Econsave sentiasa menjalankan harga promosi bagi beras pada kadar antara 50 sen sehingga RM1 selain potongan RM2 pada hari minggu.

Sementara itu Pengurus Kawasan Mydin Hypermarket Pantai Timur, Roszaliza Mat Nawi berkata, pasar raya itu sudah membuat penurunan harga BPI bermula pagi kelmarin se-

lepas menerima arahan pengurusan ibu pejabat.

"Sebaik menerima arahan (kelmarin), semua pasar raya Mydin di negeri ini menurunkan harga BPI sehingga mencecah RM3," katanya.

Kerajaan Selasa lalu, mengumumkan supaya harga jualan runcit BPI diturunkan antara RM2 hingga RM3 di pasaran untuk mengatasi isu kekurangan beras dalam pasaran.

Keputusan itu dibuat dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Sarawak Hidup Negara (Naccol) Bil 1/2024 diperintahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan arahan itu berkuat kuasa kelmarin.

24 www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

lokal



MUHAMMAD (tiga dari kanan) ketika meninjau sawah padi di Bendang Kayu Hidup, Kampung Alor Bakat, semalam. - Gambar NSTP/NOR AMALINA ALIAS

TANAMAN PADI TERJEAS

Pembenihan awan jika kemarau berterusan

+ Oleh Nor Amalina Alias
am@hmetro.com.my

Bachok

Operasi pembenihan awan akan dilakukan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) bagi menyelamatkan tanaman padi di kawasan seliaannya jika kemarau berlanjutan sehingga pertengahan April depan.

Pengerusinya Muhammad Husin berkata, operasi yang akan dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia itu terlebih dahulu akan difokuskan kepada kawasan tanaman yang tidak mempunyai punca air.

Beliau berkata, Kada mengenal pasti kawasan kira-kira 3,000 hektar sawah di bahagian Kota Bharu utara dan 2,500 hektar lagi di Kota Bharu selatan termasuk di Ketereh dan Kadok.

"Kawasan ini bergantung sepenuhnya kepada sumber air Kemubu yang kini tidak dapat menampung kerja-kerja mengairi tanah sawah berikutan kemarau," katanya selepas melakukan lawatan di bendang Kampung Alor Bakat di sini, semalam.

Muhammad berkata, kira-kira 34 peratus daripada keseluruhan 26,833 hektar kawasan tanaman padi di bawah Kada dijangka terjeas berikutan musim kemarau yang sedang berlaku, termasuk 9,180 hektar bagi kawasan utara dan selatan Kota Bharu.

Menurutnya keadaan itu akan mempengaruhi jumlah pengeluaran padi bagi musim penanaman kedua 2023 yang dijangka menyusut sehingga 25 peratus jika suhu semasa pada kadar 30 hingga 34 darjah Celsius berterusan berbanding 212,000 tan metrik hasil tualaian musim pertama.

"Kada sedang mengambil pelbagai langkah proaktif termasuk menyediakan pam air, menyedut air dari sumber alternatif dan membina telaga tiub bagi kawasan yang terjeas ketika ini bagi meminimumkan kerugian bakal ditanggung pesawah," katanya.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa berusaha mencari pendekatan lebih berkesan dalam menangani masalah pengairan bagi tanah sawah di bawah seliaan agensi itu.

Muhammad berkata, Kada kini dalam proses menyiapkan stesen pam air ketiga Kemubu yang bakal siap Jun tahun depan dan dijangka mampu membekalkan air bagi 160,000 hektar tanah sawah kendalian agensi itu.

"Pam yang bakal dibina itu menelan belanja RM26.3 juta menggunakan teknologi aliran paksi elektrik (*electric axial flow*) dari Jerman yang berupaya menyedut air walaupun pada paras ceteck di bawah dua meter," katanya.

Harian Metro | Jumaat 22.03.2024

Oleh Nor Amalina Alias
am@hmetro.com.my

Bachok

Seramai 40 pesawah yang mengusahakan bendang di Kampung Alor Bakat di sini, bimbang kemarau berterusan akan menyebabkan pokok padi ditanam rosak.

Lebih menyediakan apabila keadaan sama dilalui ketika tiga musim penanaman padi dilakukan di kawasan sawah seluas 54 hektar sebelum ini.

"Sebelum ini kami diduga dengan bencana banjir namun kali ini sawah kekeringan akibat kemarau," ujar pesawah, Tuan Ahmad Faizal Abu Seman, 36.

Dia berkata, sawahnya kekurangan air sejak bulan lalu dan padi ditanam sepatutnya dituai Mei hadapan.

Katanya, ketika ini fasa padi sudah memasuki tahap 'bunting anak' dan me-

merlukan air yang banyak.

"Kadar air di sawah tidak mencapai 70 peratus, itu pun kami berjaya menyelamatkan pokok padi selepas pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) memasang pam air

minggu lalu.

"Kami bimbang jika air tidak mencukupi, kami akan kerugian buat kali keempat berikutnya sudah tiga musim kami mengalami kerugian," katanya ketika ditemui di bendang Kayu Hidup, Kampung Alor Bakat, di sini, semalam.

Rakannya, Ruzman Has-him, 62, berkata, masalah kemarau menyebabkan pokok padi ditanam terbantut dan mengurangkan kualiti hasil padi.

Kebiasaannya, untuk 0.4 hektar padi, petani mengeluarkan modal penanaman kira-kira RM1,000 dan mampu mencapai hasil jualan RM3,000.

"Namun bila padi terjejas, kami dapat sedikit hasil

KADA ambil langkah proaktif sediakan pam mudah alih dan membina tiub telaga di Kampung Alor Bakat, Bachok.

lokal

TUAN Ahmad Faizal

sahaja malah mungkin 'tak balik modal' (rugi)," katanya.

Sebagai alternatif, satu pam air sepanjang 50 meter dipasang bagi mengairi sawah berkenaan melalui punca air sungai di Sungai Binjai berdekatan bendang berkenaan.

Sementara itu, Pengurus Kada, Muhammad Husin berkata, pihaknya mengambil langkah proaktif menyediakan pam mudah alih dan membina tiub telaga bagi mengatasi kawasan sawah yang ketiadaan air pada musim kemarau.

Katanya, sebahagian kawasan tanaman padi boleh mengairi sawah kerana mempunyai sumber air semula jadi berdekatan.

RM1K
Jumlah modal penanaman untuk capai hasil jualan RM3k

The Star
people's paper

Nation
A suitcase with over RM500,000
As incredible as it sounds, a luggage filled with cash was actually found in a mall. >3

We can't win by sowing hatred

Tearing each other down by sowing hatred and disparaging other races will only destroy Malaysia, warns the Prime Minister. The people should also stop talking about outdated and trivial issues. The focus should be on improving the country, adds Datuk Seri Anwar Ibrahim.

> See report on page 4 by ZAKIAH KOYA and MARTIN CARVALHO

Nation Easier way to get rid of unwanted vehicles. >6

Easing the rice-ing costs

Consumers can heave a sigh of relief as the price of imported white rice has started to go down. While some outlets are still selling their existing stock at old prices, retailers are expected to implement the new pricing on incoming shipments. > See reports on page 2 by N. TRISHA, FAZLEENA AZIZ, SARBAN SINGH and ANDY CHUA

2 Nation

Reports by N. TRISHA, FAZLEENA AZIZ, SARBAN SINGH and ANDY CHUA

Imported rice still being sold at higher price in Klang Valley



PETALING JAYA: Imported white rice is still being sold at old prices at Klang Valley supermarkets two days after the government announced there will be a price reduction.

Currently, imported white rice retails for between RM38 and RM45 per 10kg bag. With the announced price adjustment, a 10kg pack of imported white rice could go down to RM35.

Checks by *The Star* at several prominent supermarkets and hypermarket chains in the Klang Valley found that the prices differed depending on the brand and quality of the imported rice.

Over at a mid-range local supermarket, the imported rice were labelled RM37.99, RM43.30 or RM40.40.

At another mid-range hyper-

council on Cost of Living to overcome the shortage of local white rice in the market following the announcement of imported white rice prices by Padiberas Nasional Bhd (Bernas) on Sept 1, 2023.

On March 20, Bernas announced the price adjustment for imported white rice from RM3,200 to RM3,000 per metric tonne.

Despite the government's effort, consumers said they are still shouldering the continuous increase in cost of living.

Assistant manager Faridah Abdul, 54, said lowering the price for imported white rice does not necessarily represent the entirety of the situation.

"This reduction will only be felt by a certain group of people because in Malaysia, people eat different types of rice like white,

fragrant, parboiled or basmati rice."

"So, how can this reduce our cost in terms of spending? What surprises me is that Malaysia has plenty of water and we have dams but there is no stability," she said.

For homemaker Lina Abdullah, 53, price reductions would be better targeted at those in the B40 group.

"Kedah is deemed as the rice bowl of Malaysia and yet, we still have to import rice. This is the issue the government needs to address, so we can have more locally produced rice for the consumption of the population."

"People are feeling the pinch and this is not new. It is best that we look at how we can resolve these food security issues internally so that we can have lower pricing and more options for the people," she said.

Rice price unchanged in Sarawak and Sabah

SIBU: Consumers in Sarawak and Sabah will continue to enjoy the same price for imported white rice.

"Bernas (Padiberas Nasional Bhd) has reduced the retail price of imported white rice by RM2 to RM3 per 10kg bag."

"This only affects West Malaysia and not Sabah and Sarawak," said a wholesaler Eric Wong.

According to Wong, who is also a member of Sibu Rice Wholesalers Association, they had also been informed by Kawalsela Padi and Beras that there would be no change in the price of imported rice for both states.

"We expect the prices to be lowered further. We are still waiting for the suppliers to give us the paperwork."

"A packet of 10kg rice is now RM38.99 after our discount, but it should go down by another RM2."

"This is great as we do not have stock of local white rice and customers have no choice to buy imported rice."

"It is fine when you have a small family but for large households or hawkers, it can become a burden."

"We know many who come to buy bags of rice for their catering businesses and it eats into their profits," he said.

"Local rice is always sold out

FORMORE:
See page 4

It's nice to see a price drop

Consumers laud govt's move, saying every little bit helps



Silver lining: Anis Syafiah (left) and Karamjit say they are glad to find the price for imported rice has dropped especially when prices of other goods have increased. — ZHAFAARAN NASIB/The Star

and we only get limited supply, usually 50 packs of 10kg bags which sells out almost immediately.

"The customers have no choice but to buy imported rice. It is nice that the prices have gone down," he said.

At another popular supermarket, its senior supervisor T. Balaji said the supermarket was already selling the imported white rice at a promotional price before the government's announcement.

"My family usually finishes a bag of rice in a month but during Ramadan, we can consume more than two bags of rice."

"We break fast with plenty of rice and dishes cooked by my mother."

"As we are fasting, having a hearty meal is vital and eating rice really does make a difference."

"The prices of things are going up, so it is good that the price of imported rice has gone down."

"We wanted to buy local white rice but it is always sold out. We have no choice but to resort to buying imported ones," she said at a local hypermarket yesterday.

It was reported that the government, through the National Action Council on Cost of Living (Naccol), has agreed to reduce the retail price of imported white rice by RM2 to RM3 from Wednesday.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad

Sabu said that the current price of imported white rice, which is RM38 to RM45 per 10kg pack, is expected to drop to RM35 with the price adjustment.

The decision was made at the Naccol meeting on Tuesday.

Aside from the more affordable imported white rice, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim also wants authorities to conduct regular monitoring and enforcement to ensure sufficient supply of local white rice in the market.

Security guard Karamjit Kaur, 50, said seeing the price of imported rice go down by RM3 is great as things are quite pricey these days.

"We need to budget but rice is an essential part of our meals. The government's move is certainly helpful in the long run," she said.

At a popular hypermarket chain, its branch manager Muhamad Emiril Ashraf Edy Noor said the price of 10kg imported white rice has gone down by RM2.

"It is fine when you have a small family but for large households or hawkers, it can become a burden."

"We know many who come to buy bags of rice for their catering businesses and it eats into their profits," he said.

"Local rice is always sold out

Price will come down with new stock, say sellers

SEREMBAN: The price of imported white rice at several outlets here were the same, but sellers said it will go down soon when new stock comes in.

Checks at several wholesalers and outlets here found that 10kg bags of imported white rice were still being sold at between RM35.90 and RM45.90 depending on the brand and quality.

Business owners met here, however, said they have been told by millers that the prices would be coming down.

An employee at one of the bigger mills said the government had told the millers to reduce prices from March 20.

"The directive was for the millers to reduce the prices."

"We are still selling at the old prices. We cannot tell when the price will come down, but we

have been told it will," he said, adding that he usually receives his supply within three days of placing an order.

The manager of a store along Jalan Yam Tuan here, who wished to be identified only as Kannan, said he had received a notice from a wholesaler that the price of the 5kg and 10kg imported bags of white rice would be coming down.

"I was asked how much stock balance I have. For now, we are still selling our existing stock, which costs between RM38 and RM42 for the 10kg bag," said Kannan.

A manager of another outlet here said they too had yet to reduce the price of their imported white rice as they have not

received anything in writing from suppliers.

"Our supplier told us the new price list will be out soon."

"We were asked about the volume of our existing stock and they will also keep us posted on developments of the new price structure," she said.

On Tuesday, the Agriculture and Food Security Ministry said imported white rice currently retails for between RM38 and RM45 per 10kg pack and this is expected to drop to RM35.

Shopper B. Amarjeet Kaur, 63, thanked the government for reducing the price of imported white rice, but said more should be done to bring down the price of other essential food items such as flour.

"I don't see why this cannot be done as we have plenty of idle and government-owned land to grow rice," she said, adding that this was important as rice was the nation's staple food.